

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *17/12/2021*
Edisi / Muka Surat : *Nasional (30)*
Tajuk : *ANGKASA Sumbang 4,900 Helai Tudung Kepada Kemboja*

Angkasa sumbang 4,900 helai tudung kepada Kemboja

Jerantut: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyumbang 4,900 helai tudung dan lain-lain kelengkapan am kepada 665 komuniti Islam Kemboja.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sumbangan itu kemudiannya disampaikan oleh Persatuan Wanita Islam Kemboja (CAMWA) di beberapa perkampungan Islam negara berkenaan pada 11 dan 12 Disember lalu.

“Wakil kerajaan Kemboja, Leftenan Jeneral Ya Ei juga hadir bagi menyempurnakan majlis penyerahan tudung itu kepada penduduk kampung yang terbabit.

“Ya Ei mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Angkasa dan koperasi di Malaysia yang menjayakan agenda membantu masyarakat Islam di Kemboja menerusi sumbangan itu,” katanya.

Antara kampung yang terbabit dalam program itu ialah Kampung Thbeng Tmkem di Kandiang, Kampung Krang Thom di Osandan, Kampung Rolang Teng dan Rolang Knoi di wilayah Pursat.

*Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA*